SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 JLD 2 ( )

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

NRES SOKONG YAYASAN SIME DARBY ANJUR ADVOKASI PERKASA RAKYAT SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2026

Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2026, Yayasan Sime Darby (YSD) telah menghimpunkan komuniti, pertubuhan alam sekitar, sukarelawan korporat dan orang awam bagi menunjukkan bagaimana tindakan mudah yang dilakukan di rumah mampu menyumbang kepada hasil alam sekitar yang lebih besar, termasuk pengurangan sisa, pemuliharaan biodiversiti serta pengukuhan daya tahan iklim. Program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh.

Bertemakan **"Memupuk Kelestarian Melalui Kesukarelawanan dan Tindakan Komuniti"** serta berpandukan mesej **"Tindakan Kecil, Impak Besar"**, program ini mencerminkan kempen global Hari Alam Sekitar Sedunia 2026 yang menyeru tindakan iklim secara kolektif dan penglibatan lebih besar daripada sektor perniagaan serta komuniti dalam membina masa depan yang lebih lestari. Dengan menterjemahkan kesedaran alam sekitar kepada tindakan praktikal, Hari Alam Sekitar Sedunia YSD 2026 bertujuan menunjukkan bagaimana pilihan harian mampu menyumbang kepada masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Berteraskan empat fokus utama iaitu **Inisiatif Sifar Sisa**, **Amalan Kitar Semula dan Guna Semula Kreatif (Upcycling)**, **Pemuliharaan Biodiversiti dan Penanaman Pokok**, serta **Tindakan dan Adaptasi Iklim**, program ini menggalakkan peserta mengamalkan amalan kelestarian secara praktikal di samping memperkukuh pemeliharaan alam sekitar dalam komuniti masing-masing.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh di PARC Subang Jaya, hari ini. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan kerjasama antara kerajaan, institusi filantropi, pertubuhan alam sekitar dan masyarakat dalam memajukan agenda kelestarian negara.

"Menangani cabaran alam sekitar memerlukan pendekatan yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Walaupun dasar dan inisiatif kebangsaan memainkan peranan penting, perubahan yang berkekalan hanya dapat dicapai apabila amalan kelestarian menjadi sebahagian daripada kehidupan harian. Program seperti Hari Alam Sekitar Sedunia YSD membantu menterjemahkan kesedaran alam sekitar kepada tindakan bermakna dengan memperkasa komuniti untuk mengamalkan gaya hidup lestari, meningkatkan daya tahan iklim dan menyumbang kepada perlindungan alam semula jadi," katanya.

Sambutan tersebut menampilkan pelbagai aktiviti interaktif yang digerakkan oleh 102 sukarelawan korporat YSD daripada Sime Berhad, Sime Darby Property Berhad dan SD Guthrie Berhad. Aktiviti yang dijalankan termasuk pencarian harta karun bertemakan kelestarian, program pembersihan tasik, bengkel berkebun dan pengkomposan, demonstrasi pengasingan sisa, aktiviti guna semula kreatif (upcycling), ceramah alam sekitar serta pengalaman pembelajaran berkaitan biodiversiti untuk kanak-kanak dan keluarga.

Selain menekankan tindakan individu, program ini turut menyerlahkan kepentingan usaha kolektif dalam menangani cabaran alam sekitar. Dengan menghimpunkan rakan strategik alam sekitar, penyelidik, sekolah, perusahaan sosial dan organisasi komuniti, Hari Alam Sekitar Sedunia YSD 2026 telah memperkukuh kerjasama, perkongsian ilmu dan penglibatan masyarakat dalam memajukan agenda kelestarian.

Sempena program ini, YSD turut mengumumkan tajaan berjumlah **RM750,000** kepada Free Tree Society bagi Fasa 3 untuk tempoh tiga tahun bermula Julai 2026 hingga Jun 2029. Sokongan ini akan memperkasa program **Environmental Stewardship Programme (ESP)** dan **On-The-Go (OTG)** yang bertujuan meningkatkan kesedaran alam sekitar, memperkukuh penyertaan komuniti serta menggalakkan tindakan positif terhadap iklim, khususnya dalam kalangan komuniti bandar yang kurang mendapat perhatian di Lembah Klang, termasuk pelajar, pendidik dan isi rumah B40.

YSD juga memperuntukkan **RM300,000** bagi Fasa 2 inisiatif kelestarian yang memenangi pelbagai anugerah, **Project A Reka Cipta (PARC)**, untuk tempoh sembilan bulan. Berlokasi di Taman Subang Ria dan diterajui oleh Sime Darby Property Berhad dengan kerjasama EPIC Homes, fasa ini mengintegrasikan biodiversiti, ekonomi kitaran dan kesejahteraan komuniti, di samping melahirkan pemimpin perubahan tempatan serta mewujudkan model taman bandar lestari yang boleh diperluaskan di Malaysia.

Melalui teras Alam Sekitar, YSD telah menyalurkan sokongan bernilai **RM225 juta** sejak penubuhannya bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif berkaitan pemuliharaan biodiversiti, pemulihan ekosistem, pendidikan alam sekitar dan penyelesaian kelestarian yang diterajui komuniti di seluruh Malaysia.

Hari Alam Sekitar Sedunia YSD 2026 mencerminkan keyakinan YSD bahawa impak alam sekitar yang berkekalan dapat dicapai apabila individu, komuniti dan organisasi bekerjasama menterjemahkan kesedaran kepada tindakan yang bermula dari rumah dan komuniti, sekali gus menyumbang kepada daya tahan alam sekitar untuk jangka

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
14 JUN 2026

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Tel: 03-8000 8000 | Faks: 03-8889 4763